

- (vi) Cuaca buruk dapat mempengaruhi stok tuna. Ketumpatan stok tuna didapati berkurangan pada masa cuaca buruk.

PENUTUP

Payao terbukti sangat berkesan di dalam menarik dan mengumpul kumpulan ikan tuna 'oceanic' di perairan PLL. Payao juga dapat bertahan di dalam keadaan cuaca laut yang buruk.

Ikan tuna boleh ditemui di sepanjang tahun di perairan PLL walaupun stok tuna didapati merosot pada waktu cuaca buruk. Keadaan ini mungkin berbeza pada tahun yang lain kerana ikan tuna 'oceanic' ialah jenis 'highly migratory'.

Adalah dianggarkan kira-kira 35,000 batu nautika persegi daripada perairan (Laut China Selatan, Malaysia Timur) berpotensi di dalam penangkapan ikan tuna 'oceanic'. Ini berdasarkan kepada persamaan oseanografi yang terdapat antara kawasan-kawasan perairan persekitaran dengan kawasan kajian.

Adalah diharapkan kegiatan ekonomi di perairan PLL dapat dilaksanakan dengan segera. Ini membolehkan kerajaan menunjukkan dengan lebih ketara akan kedaulatan Malaysia di kawasan perairan berkenaan. Dari segi keselamatan pula, para pengusaha bot tidak perlu merasa bimbang kerana pihak berkuasa negara ini sentiasa melindungi mereka di bawah unit kawalan Pusat Penyelarasan dan Penyelenggaraan Maritim Kebangsaan. Disamping itu juga, terdapat sebuah lagun di PLL yang boleh memberi perlindungan kepada bot-bot menangkap ikan semasa menghadapi keadaan cuaca buruk, kerosakan dan sebagainya.